

07/02/1999

Mengimbau detik perhubungan dunia Islam, Eropah

iewed by Zainudin Isa

BUKU ini diterbitkan sempena Seminar Eropah dan Dunia Islam yang diselenggarakan IKIM pada Mac tahun lalu. Penganjuran seminar ini adalah tepat kerana sejak berabad lamanya sudah terjalin hubungan merangkumi pelbagai bidang di antara dunia Islam dengan Eropah.

Kaitan dunia Islam dengan Eropah sesungguhnya tidak terbatas dalam bidang geografi, perdagangan, sains dan teknologi, malah berjangkit kepada pemindahan pelbagai bentuk idea, maklumat dan pengaruh.

Malah, dunia Islam turut sama mengikuti arus dan kesan kolonialisme Eropah. Meskipun pernah mengharungi pahit getir, hubungan kedua-dua pengaruh besar ini pernah diselimuti saat manis bersama.

Masyarakat Eropah hari ini masih lagi menghadapi liku cabaran daripada pengaruh masyarakat Islam di sekeliling mereka, seperti krisis penindasan umat Islam di Balkan dan Kosovo.

Penilaian serta persepsi terhadap Islam yang sering dikaitkan dengan masyarakatnya yang melakukan penindasan, kekejaman dan kekerasan perlu diselesaikan dengan cara terbaik.

Menyedari hakikat ini, sampai masanya jambatan merentangi dunia Islam dan Eropah wajar diperbaiki supaya lebih 'mesra' dan toleransi. Malah, ia turut mencakupi jalinan bidang ekonomi, pendidikan dan sosial yang lebih menyeluruh lagi.

Pada pihak Barat pula, laungan hak asasi, keadilan dan demokrasi perlu dicontohi oleh mereka sendiri, bukannya menuding jari membabi buta mencari kesalahan orang lain.

Buku ini membincangkan secara terperinci mengenai detik dan hubungan antara dunia Islam dan Eropah sejak Islam mula mengembangkan sayapnya di luar benua Arab, termasuk di negara Eropah.

Kertas seminar yang dibentang adalah daripada cendekiawan Islam, Kristian dan pemimpin Eropah yang tidak asing lagi. Mereka termasuk Prof Madya Mohamad Abu Bakar dari Universiti Malaya; Prof Dr Mohd Kamal Hassan dari Pusat Kefahaman Islam-Kristian, Universiti Georgetown, Amerika Syarikat dan Duta Sweden, Igmarr Karlsson.

Lebih menarik lagi, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucap tama merasmikan seminar itu mengupas jalinan dunia Islam, Kristian dan perspektif masyarakat Eropah terhadap negara Islam, dahulu dan sekarang.

Buku berbahasa Inggeris setebal 145 muka surat ini turut memuatkan kandungan dialog antara Dr Mahathir dengan peserta seminar. Antara topik disentuh ialah bagaimana Malaysia mengekalkan suasana harmoni, undang-undang Syariah dan konvensional dan sekularisme.

(END)